

Antara 30 — 47 sen segelen mulai hari ini

# Harga semua minyak naik

Bahan asal dari Arkeb  
Negara Malaysia

Oleh CHENG SONG HUAT

**KUALA LUMPUR, Khamis** — Harga semua jenis minyak naik antara 30 hingga 47 sen segelen di Semenanjung mulai esok manakala kenaikannya di Sabah dan Sarawak antara 36 hingga 91 sen segelen.

Kenaikan yang berbeda antara Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak untuk menyamakan harga semua jenis minyak — petrol, premium, regula, diesel dan minyak tanah di seluruh negara.

Turut dinaikkan harganya ialah gas masak, antara \$1.40 hingga \$1.70 satu tangki berat antara 11.4 hingga 14.5 kilogram.

Dengan kenaikan harga baru ini, petrol premium sekarang \$4.04 segelen (88.9 sen seliter), petrol regula \$3.82 sen (84 sen satu liter), diesel \$1.92 sen segelen (35.6 sen satu liter) dan minyak tanah \$1.60 segelen atau 35.2 sen satu liter.



DR. MAHATHIR

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir yang mengemukakan kenaikan itu memberi amaran kepada semua pengilang dan sektor perindustrian serta perkhidmatan jangan mengabaikan kesempatan ini sebagai peluang memalukan harga barang-barang keperluan dan perkhidmatan. "Kementrian saya hanya akan menimbangkan permohonan-permohonan kenaikan harga barang yang berpatutan.

"Para pengilang dan lain-lain peniaga harus cuba menyerap seberapa boleh kos kenaikan akibat kenaikan harga minyak," tegas beliau.

Datuk Seri Dr. Mahathir yang juga Menteri Perdagangan dan Perindustrian memberitahu, dalam meluluskan kenaikan itu, Kerajaan telah mengikut secara menyeluruh untuk tidak membebaskan rakyat jelaat.

"Malah dengan kenaikan ini, harga semua jenis minyak di Malaysia tetapi jauh lebih murah

**HARGA RUNCIT GAS**

	Solis		Herge		Kenaikan
	Tabung (K0)	Semasa (\$)	Baru (\$)	(\$)	
<b>KUALA LUMPUR</b>					
Shell	14.5	14.90	16.60	1.70	
BP	12.7	13.10	14.50	1.40	
Mal	11.4	11.60	13.00	1.40	
Sunco	14.5	14.90	16.60	1.70	
<b>KOTA KINABALU</b>					
Shell	14.5	20.4	16.60	(3.8)	
Esso	12.7	17.90	14.50	(3.40)	
<b>KUCHING</b>					
Shell	14.5	17.60	16.60	1.00	
Esso	12.7	15.40	14.50	(0.90)	

**Perbandingan harga Petrolium Malaysia dan tanah-kas negara jiran.**

	Premium		Regular		Kerosene		Diesel		LPG(lb)
	Malaysia	Singapore	Thailand	Philippines	Malaysia	Singapore	Thailand	Philippines	
Malaysia	4.04	3.82	1.60	1.62	0.52				
Singapore	4.55	4.25	3.40	2.86	0.65				
Thailand	4.86	4.59	2.93	3.28	0.46				
Philippines	6.38	6.10	3.40	3.40	0.44				

dibandingkan di Singapura, Filipina dan Thailand," tambah beliau.

Menurut beliau, Kerajaan terpaksa menambatkan subsidiya ke atas minyak diesel dan minyak tanah dengan jumlah \$297 juta setahun menjadi \$638 juta setahun memandangkan kedua-dua bahan itu merupakan yang perlu dan penting bagi rakyat jelaat, khususnya golongan berpendapatan rendah.

Sebagai contoh, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, untuk menampung kenaikan harga minyak tanah dan diesel, Kerajaan terpaksa menambatkan subsidiya dari 46 sen (sebelum ini) kepada 86 sen segelen bagi minyak diesel dan minyak tanah dari 51 sen kepada \$1.04.

Pertambahan kadar subsidi ini jelas menunjukkan Kerajaan dalam meluluskan kenaikan ini telah benar-benar mengambil kira golongan rakyat berpendapatan rendah supaya tidak membebankan mereka, tegas beliau.

Mengenai minyak tanah dijual dalam botol berikutan kenaikan ini, Timbalan Perdana Menteri mengakui kadar harganya tidak dapat ditetapkan kerana botol yang digunakan oleh orang ramai berlainan saiz.

Bagaimanapun, beliau menegaskan harga sebotol minyak tanah harus dijual dalam lingkungan 25 hingga 30 sen, tidak boleh lebih dari itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir meletakkan keputusan kenaikan itu dibuat berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:

- Harga Retail Kerajaan untuk menaikan serendah-rendahnya harga, terutama minyak diesel dan minyak tanah supaya tidak membebankan golongan yang berpendapatan rendah.
- Permintaan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk menyamakan harga runcit antara Kuala Lumpur, Kuching dan Kota Kinabalu.
- Harga semasa bagi barang-barang petroloum di

**SABAH**

	Semasa		Baru		Kenaikan	
	Galen (\$)	Litre (¢)	Galen (\$)	Litre (¢)	Galen (\$)	Litre (¢)
Premium Petrol	3.42	73.2	4.04	88.9	62	13.7
Regular Petrol	2.94	64.7	3.82	84.0	88	19.3
Diesel	1.26	27.7	1.62	35.6	36	7.9
Minyak Tanah	1.20	26.4	1.60	35.2	40	8.8

**SARAWAK**

	Semasa		Baru		Kenaikan	
	Galen (\$)	Litre (¢)	Galen (\$)	Litre (¢)	Galen (\$)	Litre (¢)
Premium Petrol	3.35	73.7	4.04	89.6	69	15.9
Regular Petrol	2.91	64.0	3.82	84.0	91	20.0
Diesel	1.23	27.1	1.62	35.6	39	8.5
Minyak Tanah	1.20	26.4	1.60	35.2	40	8.8

	Semasa		Baru		Kenaikan	
	Galen (\$)	Litre (¢)	Galen (\$)	Litre (¢)	Galen (\$)	Litre (¢)
Premium Petrol	3.69	81.2	4.04	89.9	35	7.7
Regular Petrol	3.25	73.2	3.82	84.0	47	10.3
Diesel	1.30	28.6	1.62	35.6	32	7.0
Minyak Tanah	1.30	28.6	1.60	35.2	30	6.6

Singapura, Thailand dan Filipina adalah lebih tinggi. Bagaimanapun, beliau menjelaskan kadar kenaikan itu merupakan harga bumbung dan akan dittingkatkan seawajarnya dengan mengambil kira kos pengangkutan untuk penghantaran di luar Kuala Lumpur, Kota Kinabalu dan Kuching.

Mengenai subsidi, Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu Kerajaan terpaksa menggunakan keuntungannya dari minyak keluaran dalam negeri sebagai subsidi bagi meringankan bebanan rakyat.

Menurut beliau, 59 peratus dari jumlah 200,000 tong minyak mentah yang dikeluarkan oleh Malaysia adalah menjadi hak milik Kerajaan, iaitu 160,000 tong.

"Jumlah penggunaan dalam negeri sekarang ialah kira-kira 130,000 tong sehari (44 gelian setong) dan bakiya 30,000 tong itulah digunakan sebagai pembayaran subsidi.

"Dengan tambahan subsidi atas minyak tanah dan diesel, jumlah subsidi Kerajaan untuk barang-barang keperluan bagi rakyat ialah sekarang melebihi \$1,000 juta setahun," katanya.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberi jaminan bahawa Kerajaan tidak akan meluluskan sebarang kenaikan jika ia tidak memuaskan dan menyulitkan rakyat jelaat.

Katanya, kenaikan harga minyak yang diluluskan kali ini adalah permohonan dari syarikat-syarikat minyak pada awal tahun ini.

"Kalaupun lima-syarikat sebenarnya telah mengemukakan permohonan kenaikan kali kedua bagi tahun ini baru-baru ini berikutan kenaikan minyak mentah di negara-negara Asia Barat.

"Kerajaan tidak akan menimbangkan permohonan itu untuk masa tertentu hinggalah didapati kenaikan itu benar-benar dipulihkan," tegas beliau.